

NILAI-NILAI DAN NORMA-NORMA YANG DIGUNAKAN OLEH
LEMBAGA PENAPIS FILEM MALAYSIA DALAM MENAPIS
PITA-PITA VIDEO

OLEH

MD. JAKI OMAR

Latihan Ilmiah ini dijalankan untuk memenuhi sebahagian
syarat bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian,
Rancangan Komunikasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia P.Pinang.

86/87.

PENGHARGAAN

Dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini, saya amat terhutang budi kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Vincent Lowe, yang telah bersungguh hati dalam menjanakan idea kajian, merangka dan memimpin untuk perkembangan kajian.

Penghargaan saya juga kepada Pengarah Jabatan Penapisan Filem Malaysia, Tuan Ahmad Tuan Muda dan Pengerusi Lembaga Penapisan Filem Malaysia, Datuk Mior Mohd. Jaafar kerana kerjasama yang telah diberikan.

Terima kasih tidak terhingga saya juga kepada Timbalan Pengarah Jabatan Penapisan Filem Malaysia, En. Mohd. Zain Ibrahim, Timbalan Pengerusi Lembaga Penapisan Filem Malaysia, Tuan Hj. Wahid bin Abdul Wahab, Penolong Pengarah Perlesenan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Cik Hamidah Abdul Hamid dan semua Ahli-Ahli Lembaga Penapisan pita-pita video (VTR) atas segala kerjasama yang telah diberikan, meluangkan masa untuk ditemubual dan membantu dalam proses mengumpul maklumat.

Juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dalam bidang Komunikasi Massa, Universiti Sains Malaysia atas dorongan yang telah diberikan.

Kepada kedua ibubapa saya dan teristimewa untuk Adi, sayangku tidak terhingga kerana memahami.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang telah memberikan bantuan dan sokongan dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini.

Md. Jaki Omar
4 Mac 1987
USM.

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini mengandungi enam bab. Bermula dengan pengenalan, perbincangan rasional dan objektif-objektif kajian dijalankan. Seterusnya usaha untuk memahami konsep-konsep asas dan konsep untuk tujuan operasionalisasinya, kaedah kajian dan had-hadnya.

Penjelasan mengenai Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPF) dinyatakan dalam bab dua. Dinyatakan juga badan-badan yang berkaitan dengan LPF, perundangan penapisan di Malaysia dan dasar kerajaan melaluinya.

Bab tiga merupakan bahagian ulasan bahan-bahan bacaan yang meliputi pengetahuan, teori dan beberapa hasil kajian yang ada kaitannya dengan kajian ini. Keseluruhananya menyentuh tentang nilai dan norma, pengaruh media massa khususnya filem, peranan kerajaan dan pembentukan polisi.

Bab empat membincangkan analisa pernyataan oleh kalangan Ahli-Ahli Lembaga Penapis (VTR) mengenai penyaluran nilai dan norma dalam penapisan pita-pita video cereka. Soalan-soalan perlu untuk kajian disalurkan dalam analisa ini.

Bab lima merupakan bab analisa dan huraian secara mendalam terus kepada adegan-adegan yang telah ditapis melalui contoh-contoh jodol filem video yang disertakan, sebagai perincian pemilihan penilaian dan tindakan Ahli-Ahli Lembaga Penapis.

Kajian ini diakhiri dengan penilaian dan kesimpulan bagi bab empat dan lima, beberapa sumbangan dalam bidang komunikasi, cara memperbaiki kelemahan kajian, cadangan untuk kajian selanjutnya dan akhirnya tinjauan penapisan filem di beberapa buah negara.